



مجلس فريندران تاڤينغ

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Jalan Taming Sari
34000 Taiping
Perak Darul Ridzuan

Tel : 05-808 0777
Fax : 05-805 3000 / 806 8957
Email : mpt@mptaping.gov.my
Laman Web : www.mptaping.gov.my

JABATAN KEJURUTERAAN

NOTIS / IKLAN SEBUTHARGA

SEBUT HARGA (KERJA) SEBUTHARGA NO. :MPT/JK/S/74/26

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor yang layak berdasarkan syarat – syarat pendaftaran yang ditetapkan dan masih dibenarkan membuat sebutharga buat masa ini untuk kerja-kerja berikut :

NO SEBUTHARGA	TAJUK SEBUTHARGA	SYARAT – SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN (RM)
MPT/JK/S/74/26	SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBERSIH BANGUNAN TERMINAL BAS EKSPRES KAMUNTING DAN BAZAR KAMPUNG JAMBU, MAJLIS PERBANDARAN TAIPING	KEMENTERIAN KEWANGAN (Bumiputera) Kategori : 221001/221002 Sijil TCC : Patuh	50.00

Dokumen sebutharga boleh didapati secara atas talian bermula pada tarikh 20.7.2026 bersamaan hari 18/11 dengan harga **RM 50.00**. Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada pemilik syarikat yang sah sahaja.

Tarikh dan Masa Jualan Dokumen Sebutharga adalah ditetapkan seperti berikut :-

Tarikh	Hari	Masa	Kaedah Pembelian
<u>20.7.2026</u> hingga <u>24.7.2026</u>	Hari <u>18/11</u> hingga <u>JUMAT</u>	Mulai jam 9.00 pagi hingga 4.00 Petang.	Bayaran secara atas talian / On- Line
PERINGATAN. TARIKH AKHIR PEMBELIAN ADALAH PADA <u>24.7.2026</u>. DOKUMEN HANYA AKAN DIJUAL PADA HARI BEKERJA SAHAJA MENGIKUT WAKTU YANG DITETAPKAN SEPERTI DI ATAS.			

Kaedah bayaran :-

Pihak kontraktor dikehendaki membuat bayaran secara On-line Transfer ke akaun Majlis Perbandaran Taiping. Berikut dinyatakan kaedah bagi pembayaran secara On-line Transfer ke akaun Majlis Perbandaran Taiping.

1. Pihak kontraktor iaitu pemilik syarikat yang sah dikehendaki berhubung secara 'Whatsapp' dengan Jabatan Kejuruteraan di talian no +6019-6928007 .
2. Pihak kontraktor dikehendaki mengemukakan salinan Kad Pengenalan Pemilik Syarikat, sijil Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC) : Status Patuh dalam bentuk Jpeg/Photo/Pdf dan diserahkan kepada Pegawai Bertugas, MPT untuk semakan. Surat wakil kuasa adalah tidak dibenarkan. Pihak kontraktor tidak dibenarkan untuk membuat bayaran terlebih dahulu sebelum pegawai bertugas membuat semakan sijil pendaftaran yang layak. Kegagalan pematuhan perkara 2 ini, boleh menyebabkan sebutharganya ditolak.
3. Sekiranya syarat – syarat pendaftaran dipatuhi, pihak kontraktor dikehendaki membuat bayaran secara On-line Transfer melalui Kod QR ke akaun Majlis Perbandaran Taiping seperti berikut:



- Imbas Kod QR melalui aplikasi bank seperti Maybank, Bank Islam etc. untuk pembayaran

4. Sekiranya bayaran telah dibuat, sila maklum kepada pegawai bertugas dengan mengemukakan resit bayaran tersebut.
5. Pegawai Bertugas , MPT akan mengemukakan Dokumen Sebutharga dalam bentuk PDF dan pihak kontraktor dikehendaki memuat turun, mencetak, melengkapkan segala keperluan dan syarat – syarat sebutharga. Seterusnya Dokumen Sebutharga yang telah lengkap termasuk dokumen – dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan ditulis tajuk sebutharga pada bahagian atas sebelah kiri sampul.
6. Sampul surat berlakri yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti alamat dibawah tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh 27.7.2026 bersamaan hari ISKIN.
7. Penyebutharga adalah digalakkan untuk mengemukakan sebutharganya secara **Pos Berdaftar** atau **Perkhidmatan Kurier** sebelum tarikh tutup yang dinyatakan, ke alamat berikut;-

**Unit Perolehan,
Jabatan Kewangan,
Tingkat 1 Majlis Perbandaran Taiping,
Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak**

(Tajuk sebutharga dikehendaki ditulis pada bahagian atas sebelah kiri sampul.)

Penyebutharga dikehendaki memastikan urusan pengeposan dilakukan lebih awal bagi mengelakkan kelewatan penerimaan dokumen oleh pihak Majlis sebelum tarikh tutup ditetapkan. Kelewatan akan menyebabkan dokumen sebutharganya ditolak. Pihak Majlis tidak bertanggungjawab atas segala kos dan kelewatan yang timbul.

Taklimat dan lawatan tapak adalah tidak diwajibkan.

Pejabat ini tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.



(TS HAJI RIZAL ISMARA BIN ISMAIL, PPT.)

Penolong Pengarah Kejuruteraan

b.p : Yang Dipertua,

Majlis Perbandaran Taiping

s.k Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Taiping

Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Taiping.

Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan,
Bahagian Teknologi Maklumat,
Majlis Perbandaran Taiping

Penolong Pengarah Perbendaharaan,
Majlis Perbandaran Taiping

(Bagi tujuan urusan buka sebutharga. Tarikh Tutup Sebutharga pada : 27.7.2026)